

Pantau kawasan berpotensi bah

BUKIT MERTAJAM: Sebanyak 17 kawasan rendah yang berpotensi dilanda banjir sepanjang jajaran projek Landasan Elektrik Berkembar akan dipantau sepanjang musim hujan ketika ini.

Pemaju projek berkenaan, MMC Corporation Berhad dan Gamuda Berhad (MMC-Gamuda) mengenal pasti kawasan rendah terbabit di sepanjang jajaran pembinaan projek itu di Pulau Pinang dan Perak.

Pemantauan rapi dilakukan berikutan amaran Ja-

batan Meteorologi taburan hujan pada musim monsun tahun ini dijangka meningkat antara 20 hingga 40 peratus berbanding tahun lalu.

Bagi Pulau Pinang, kawasan terbabit adalah Kampung Permatang Saga dan Kampung Selamat (Pinang Tunggal), Pekan Tasek Gelugor, Kampung Tok Panjang (Bukit Tengah), Permatang Rawa, Permatang Batu dan Taman Tan Sai Gin (Bukit Mertajam), Kampung Jawi dan Kampung Stesen (Nibong Tebal), Ta-

man Damai dan Taman Setia Jaya (Parit Buntar).

Di Perak pula, kawasan terbabit adalah Bukit Merah, Lubuk Binjai, Pondok Tanjung, Kampung Larut Ulu, Air Kuning, Kampung Pauh, Bukit Gantang, Padang Rengas dan Kampung Batu, Padang Rengas.

Pengarah MMC-Gamuda, Datuk Azmi Mat Nor, berkata pemantauan rapi di 17 kawasan terbabit, antara enam langkah proaktif dilaksanakan pihaknya bagi mengatasi masalah banjir dijangka berlaku berikutan

musim hujan ketika ini.

"Kami sudah menyelenggara semua sistem saliran seperti longkang, sungai dan kalvet terletak di jajaran pembinaan landasan supaya tidak tersumbat dengan sampah-sarap serta tanah bagi memastikan air dapat mengalir lancar ketika musim hujan.

"Kami juga menyediakan talian kecemasan 1-300-80-1999 bagi membolehkan orang ramai membuat aduan," katanya pada sidang media di sini, semalam.



PENERANGAN...Azmi (tiga dari kiri) mendengar taklimat dan melihat peralatan pasukan bertindak kecemasan untuk persiapan banjir.